

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KILANG PAPAN LAPIS GREAT EASTERN DI KUALA KRAI, KELANTAN PADA 1HB MAC, 1973

Tuan Pengerusi, Y.A.B. Menteri Besar Kelantan¹, Y.B. Menteri-
menteri, Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Lembaga Pengarah Syarikat Great Eastern Mill yang telah sudi menjemput saya merasmikan pembukaan kilangnya yang baru siap ini. Begitu juga saya mengambil kesempatan ini menyatakan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas sambutan yang sangat meriah sejak ketibaan saya pagi tadi dan memasukkan acara ini dalam siri lawatan saya ke Kelantan.

Sebenarnya inilah lawatan saya yang kedua kali semenjak mengambil alih teraju pimpinan Kerajaan dan saya sangat bangga melihat banyak kemajuan yang berlaku di negeri Kelantan ini. Pagi tadi saya telah merasmikan peralihan tugas menjaga keselamatan wilayah Kelantan/Trengganu daripada Briged ke empat kepada Briged ke lapan yang baru ditubuhkan dan ditempatkan di Kota Bharu. Ini tidak syak lagi adalah satu kemajuan baru dalam usaha kita mengawal keselamatan dan mengekalkan ketenteraman negara. Saya percaya penduduk-penduduk di Kelantan ini merasa lebih gembira dan terjamin keselamatan dengan adanya satu Briged baru yang bermarkas di negeri ini.

Saudara-saudara sekalian,

Satu lagi bukti kemajuan yang nyata ialah bangunan kilang Papan Lapis Great Eastern yang tersergam di hadapan kita. Sesungguhnya pada hemat saya kilang ini merupakan satu breakthrough dalam usaha kita membawa industry ke bandar-bandar kecil dan kawasan luar bandar dalam melaksanakan strateji penyusunan semula masyarakat. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang mengambil inisiatif penting ini dan juga kepada South East Asia Lumber yang telah memberikan kerjasamanya menjayakan projek ini.

Sebagaimana yang pernah saya katakan dulu, dalam usaha membawa industry ke kawasan luar bandar amatlah mustahak

¹ Y.B. Dato Haji Ishak bin Haji Omar.

bagi Kerajaan Negeri, melalui SDC atau Perbadanan Kemajuan Ekonomi, menjadi catalyst serta mengambil daya utama sendiri. Dalam keadaan tertentu, pihak swasta boleh diminta bekerjasama atas dasar joint-venture samada dengan mempunyai bahagian saham yang lebih atau sebaliknya. Langkah seperti yang dijalankan oleh SDC Kelantan dengan SEAL ini patutlah dipuji serta menjadi tauladan yang baik kepada negeri-negeri lain.

Kilang Great Eastern Mill yang serba moden ini sudah tentu menjadi kebanggaan bukan saja kepada rakyat di Kuala Krai ini bahkan pada seluruh negeri Kelantan. Bagaimanapun, saya sukalah menegaskan peri mustahaknya kita menghargai kekayaan alam yang ada di negara kita supaya benar-benar dapat membawa nikmat kebahagiaan kepada rakyat. Keadaan sekarang sudah berubah. Kalau di masa-masa yang lampau, kekayaan alam kita dikeluarkan serta dijual secara "mentah" kepada pasaran dunia, hari ini kita perlu mengubah sikap iaitu bahan-bahan ini hendaklah diproses dahulu sebelum diekspot.

Negeri Kelantan, sebagaimana juga Negeri Pahang, mempunyai sumber kayu kayan yang masih banyak. Dari segi perusahaan kayu kayan, banyak kayu balak yang telah dikeluarkan dari sini untuk memenuhi keperluan kilang-kilang papan lapis dan sawmill di negara kita dan juga luar negeri. Tetapi pengusahaan secara ini tentulah merugikan. Sebaliknya, kalau kayu balak itu diproses, samada sebagai sawn-timber ataupun dijadikan veneer untuk plywood tentulah kita dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak di samping mendapat return atau hasil yang lebih tinggi. Apatah lagi kalau ditingkatkan proses itu kepada barang buatan seperti kerusi meja ataupun educational toys, lebih banyak lagi munfaatnya dari segi peluang pekerjaan dan juga latihan bagi membentuk industrial community atau golongan perindustrian dalam masyarakat kita.

Saudara-saudara sekalian,

Saya melihat banyak kemungkinan membina beberapa kompleks perindustrian kayu di Kelantan ini seperti di Gua Musang, di Kemubu dan juga di Jeli supaya kayu kayan yang dikeluarkan dari kawasan itu dapat digunakan sebaik-baiknya. Memandang pada keadaan sekarang ada baiknya kompleks perindustrian itu dibina segera supaya kekayaan alam kita tidak terbuang begitu saja. Dengan yang demikian, hasil kekayaan hutan dapat memberi munfaat sepenuhnya kepada rakyat dan negara.

Saya suka menegaskan lagi peri mustahaknya kita memproses kayu kayan di dalam negeri bukan saja dari aspek generating employment bahkan juga supaya mendapatkan return yang berganda-ganda lebih tinggi berbanding dengan nilai jualan kayu balak sahaja. Inilah satu-satu sebabnya Kerajaan merasa perlu melarang penjualan beberapa jenis kayu balak keluar negeri. Saya yakin semua pihak yang lebih mementingkan keperluan negara akan menyokong langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya kilang-kilang di negara kita sentiasa terjamin dan seterusnya menjamin pelaksanaan dasar perindustrian negara. Sukalah saya memuji langkah tegas yang diambil oleh Menteri Perusahaan Utama² dalam hal ini dan juga langkah-langkah lain yang akan mengukuhkan timber industry negara kita ini.

Saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dapat segera melakukan lawatan ke Kelantan ini setelah tercapainya persetujuan antara Parti Perikatan dan Parti Islam mengadakan Kerajaan Campuran pada peringkat negeri dan Pusat. Kalau lawatan saya pertama kali dulu dalam suasana persaingan atau inter-party rivalry, lawatan kali ini sungguh meriah dan mesra dalam suasana persahabatan. Bahkan seperti saya katakan awal tahun ini, pelaksanaan Kerajaan Campuran merupakan batu tanda yang penting dalam sejarah negara kita yang kekal dan tidak luntur untuk zaman berzaman.

Dalam hal ini saya sesungguhnya amat berterimakasih kepada Y.B. Datuk Haji Asri yang telah sama-sama membuka jalan ke arah cita-cita dan tujuan yang suci itu. Beberapa perundingan telah berlangsung antara saya dan Tun Dr Ismail di satu pihak, dengan Datuk Asri dan Ustaz Abu Bakar Hamzah di pihak lain, dalam suasana yang penuh saling mengerti. Alhamdulillah, usaha kita bersama-sama itu diberkati serta dimakbul oleh Allah dan saya tidak ragu-ragu lagi bahawa dengan terbentuknya barisan kebangsaan atau national front itu, kita akan terus menuju cita-cita membina negara Malaysia yang makmur, aman damai dan bahagia.

Jika ada yang tertanya-tanya apakah faedahnya Kerajaan Campuran ini kepada rakyat dan Negeri Kelantan selain daripada "non-politicking" atau "ketiadaan berpolitik" maka saya suka memberi jaminan bahawa faedahnya bukan sekadar perpaduan

² Y.B. Dato' Haji Abdul Taib bin Mahmud.

politik yang telah wujud itu saja tetapi dengan adanya sefahaman politik ini dapatlah kita memberi perhatian yang lebih mendalam lagi kepada pembangunan, kemajuan dan kebahagiaan rakyat dan Negeri Kelantan.

Saudara-saudara sekalian,

Oleh kerana Negeri Kelantan selama ini boleh dikatakan agak tertinggal dalam pembangunan, saya telah pun mengarahkan supaya ditambah lagi peruntukan bagi projek-projek luar bandar dan projek-projek kecil kesemuanya berjumlah lebih 2.4 juta ringgit. Ini adalah meliputi rancangan membina masjid, madrasah, jalan-jalan kampung, titi, jambatan, Dewan Orang Ramai, Wakaf, bekalan air dan sebagainya. Selain dari peruntukan di atas, saya sukalah juga mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat akan membantu mendirikan dua buah masjid, satu untuk Kota Bharu iaitu di Jalan Telipot bagi menambah kemudahan yang sedia ada di sini kerana masjid yang ada sekarang sudah lama dan tidak dapat lagi menampung jemaah yang semakin ramai, dan sebuah lagi masjid akan didirikan di Pengkalan Chepa bagi kegunaan anggota Pasukan Tentera dan Polis Hutan kita dan juga orang-orang kampung yang diam berhampiran di situ. Saya telah juga bersetuju dengan Y.B. Datuk Asri supaya dibina asrama untuk pelajar-pelajar lelaki dan wanita di Pusat Pengajian Nilam Puri.

Dengan terlaksananya rancangan-rancangan dan projek-projek ini kelak, saya percaya rakyat di Kelantan dapatlah sama-sama merasa nikmat dan faedah dari Kerajaan Campuran yang kita adakan itu supaya kita sama-sama terus maju ke hadapan menuju hari depan yang lebih makmur dan bahagia.

Saudara-saudara sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukalah saya sekali lagi merakamkan terimakasih kepada pengurusan dan kakitangan Kilang ini atas persiapan dan sambutan untuk kedatangan saya ke mari. Peristiwa hari ini tentulah amat besar maknanya kepada saudara-saudara semua dan saya berharap saudara-saudara akan terus menjaga kepentingan Kilang ini supaya sentiasa berjalan baik dengan teratur dan sempurna.

Dengan ini saya sukacita merasmikan Kilang Papan Lapis Great Eastern ini sambil berdoa semoga Kilang ini dan pekerja-pekerjanya mencapai sepenuh kejayaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN LEMBAGA KEMAJUAN PER-
TANIAN KEMERITAAN DI DWAN PER-

(Galeri Teratai Keseluruhan Muzium)



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang melihat kerja-kerja yang dijalankan di Kilang Kayu Lapis Great Eastern Malaysia Bhd., Kuala Krai, Kelantan pada 1hb Mac, 1973.

kan pendapat mereka, saya telah pergi ke sana dan melihat
menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan itu bukan
saja untuk menambah penghasilan padi tetapi meningkatkan pro-
dapatar melalui tanaman cash crop yang lain.

pejabat yang telah wujud itu saja tetapi dengan adanya kefahaman
pejabat ini dapatlah kita membina perhatian yang lebih mendalam
kepada pembangunan, kemajuan dan ketenteraman rakyat dan
Negeri Kelantan.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang menemui ahli-ahli UMNO Kelantan dan beramah
mesra dengan mereka pada 1hb Mac, 1973.
(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

pejabat ini saya sukacita memajukan Kelantan dengan Lapok Great
Kawasan ini sambil beraja semua Kelang ini dan semoga berjaya
saya harap dapat seperti kejayaan.